

Evolusi Fatwa Zakat ke Arah Kelestarian Institusi Zakat di Malaysia

The Evolution of Zakat Fatwas and the Sustainability of Zakat Institutions in Malaysia

Ahmad Faisal Mohamed¹, Azman Ab Rahman^{2,*}, Muhammad Azhad Al-Bohari³

¹Jabatan Mufti Johor, Karung Berkunci 725, 80990, Johor Bahru, Johor

E-mail: muftijohor@johor.gov.my

^{2,*}(Corresponding Author) Institute of Fatwa and Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan

E-mail: azman@usim.edu.my

³ Faculty of Syariah and Law Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

E-mail: azhadsampi@gmail.com

Received date: 16/5/2025

Acceptance date: 1/7/2025

Available Online: 31/8/2025

ABSTRAK

Evolusi fatwa zakat di Malaysia memperlihatkan keanjalan ijtihad dalam menyesuaikan hukum dengan perubahan bentuk harta, tuntutan masyarakat, serta kemajuan teknologi. Kajian ini menilai bagaimana evolusi fatwa menyokong kelestarian institusi zakat sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi umat Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen yang melibatkan teks fatwa negeri dan kebangsaan, enakmen pentadbiran agama Islam, laporan institusi zakat serta literatur berwasit. Dapatan menunjukkan empat fasa utama perkembangan: tradisional, institusionalisasi, pemodenan/diversifikasi, dan kelestarian/digitalisasi. Evolusi fatwa telah memperluas asas kutipan (seperti pendapatan, KWSP, saham, dan aset digital), menambah baik mekanisme pembayaran (potongan gaji, perbankan atas talian, aplikasi mudah alih), serta mengukuhkan legitimasi agihan berorientasikan pembangunan asnaf. Walau bagaimanapun, perbezaan fatwa antara negeri, tahap literasi zakat yang tidak seimbang, dan risiko integriti digital kekal sebagai cabaran. Kajian ini menegaskan bahawa fatwa yang progresif, digabungkan dengan tadbir urus profesional dan pendidikan masyarakat, merupakan prasyarat penting untuk menjamin kelestarian institusi zakat di Malaysia.

Kata Kunci: fatwa zakat, evolusi hukum, kelestarian institusi, tadbir urus zakat, digitalisasi

ABSTRACT

The evolution of zakat fatwas in Malaysia reflects the flexibility of ijtihad in adapting Islamic rulings to changes in asset forms, societal needs, and technological advancement. This study evaluates how fatwa evolution contributes to the sustainability of zakat institutions as instruments of socio-economic development. Employing a qualitative document analysis, the data encompass state and national zakat fatwas, Islamic administration enactments, institutional reports, and peer-reviewed literature. Findings

identify four phases of development: traditional, institutionalisation, modernisation/diversification, and sustainability/digitalisation. The evolution of zakat fatwas has broadened the collection base (e.g., income, EPF savings, shares, and digital assets), enhanced payment mechanisms (payroll deductions, online banking, mobile applications), and strengthened the legitimacy of development-oriented distribution for asnaf. However, challenges remain, including inter-state inconsistencies, uneven zakat literacy, and digital integrity risks. The study concludes that progressive fatwas, integrated with professional governance and continuous public education, are essential for ensuring the long-term sustainability of zakat institutions in Malaysia.

Keywords: zakat fatwas, legal evolution, institutional sustainability, zakat governance, digitalisation

PENDAHULUAN

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang berfungsi sebagai mekanisme pengagihan kekayaan bagi memastikan keseimbangan ekonomi dan keadilan sosial dalam Masyarakat (Ab Rahman et al., 2025). Dalam konteks Malaysia, pentadbiran harta umat Islam termasuk zakat, wakaf dan baitulmal terletak di bawah bidang kuasa negeri seperti termaktub dalam Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan. Tanggungjawab ini dipertanggungjawabkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta institusi yang diberi mandat untuk melaksanakan kutipan dan agihan zakat. Kedudukan ini menegaskan bahawa zakat bukan sekadar kewajipan individu, tetapi juga sebuah instrumen institusi yang berperanan besar dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam.

Pentadbiran zakat menjadikan fatwa sebagai elemen penting kerana ia berperanan sebagai penjelasan hukum oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri. Fatwa zakat bukan sahaja memastikan keselarasan dengan hukum syariah, tetapi juga menjadi panduan dalam menyesuaikan amalan zakat dengan realiti semasa. Evolusi fatwa zakat dapat dilihat melalui pengiktirafan bentuk harta moden seperti saham dan simpanan KWSP, peluasan kategori asnaf, serta mekanisme kutipan yang lebih efisien termasuk potongan gaji, transaksi elektronik, dan penggunaan aplikasi digital. Perubahan ini membuktikan peranan fatwa dalam merespons perkembangan teknologi, perundangan, serta keperluan ekonomi masyarakat.

Prinsip perubahan hukum mengikut konteks zaman dan keadaan telah lama digariskan oleh para ulama klasik. Imam al-Ghazali melalui al-Mustasfa menekankan bahawa tugas mujtahid adalah memahami maqasid syariah dan mengaplikasikannya demi maslahat umat (Al-Bohari et al., 2025). Kaedah fiqhiyyah klasik turut menegaskan bahawa "*taghayyur al-ahkam bi taghayyur al-azman wa al-amkinah wa al-ahwal*" hukum-hakam boleh berubah dengan perubahan zaman, tempat, dan keadaan. Prinsip inilah yang menjadi asas kepada anjakan dalam fatwa zakat, daripada agihan berbentuk barangan keperluan pada zaman awal Islam kepada bentuk wang tunai, pelaburan, dan program pembangunan asnaf pada era moden.

Mazhab Syafi'i yang menjadi pegangan utama di Malaysia telah melahirkan karya besar seperti al-Majma Sharh al-Muhadhdhab, Rawdat al-Talibin, Minhaj al-Talibin, dan al-Fatawa karya Imam al-Nawawi, di samping kitab penting lain seperti Mughniy al-

Muhtaj dan Fath al-Wahhab. Kitab-kitab ini menjadi sandaran utama dalam pengeluaran fatwa, namun anjakan semasa menunjukkan keterbukaan institusi fatwa Malaysia dalam mempertimbangkan pandangan mazhab lain serta pendekatan maqasid syariah. Keadaan ini menegaskan bahawa evolusi fatwa zakat adalah manifestasi keanjalan hukum Islam dalam memenuhi tuntutan semasa.

Sehubungan itu, evolusi fatwa zakat di Malaysia wajar diteliti kerana ia bukan sahaja berkaitan aspek hukum, tetapi juga memberi kesan langsung terhadap kelestarian institusi zakat. Kelestarian yang dimaksudkan ialah keupayaan institusi zakat untuk berfungsi secara berterusan, mampan, dan relevan dalam menghadapi cabaran zaman, termasuk isu birokrasi, teknologi digital, dan kepercayaan masyarakat. Kajian ini berhasrat untuk meneliti bagaimana fatwa zakat di Malaysia telah berevolusi serta bagaimana evolusi tersebut menyumbang kepada pengukuhan dan kelestarian institusi zakat sebagai teras pembangunan sosioekonomi umat Islam.

KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai zakat di Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang pesat, bukan sahaja dari segi pengeluaran fatwa tetapi juga aspek tadbir urus dan kelestarian institusi zakat. Fatwa zakat memainkan peranan penting sebagai panduan hukum yang mendasari amalan kutipan dan agihan, manakala isu tadbir urus serta kepercayaan masyarakat menentukan tahap legitimasi institusi zakat. Dalam masa yang sama, kelestarian institusi zakat bergantung kepada kecekapan pengurusan, inovasi, serta kemampuan menangani cabaran birokrasi dan teknologi. Walaupun literatur sedia ada telah memberi tumpuan kepada aspek fatwa, governance dan kelestarian, terdapat jurang penyelidikan dari segi bagaimana evolusi fatwa zakat benar-benar menyumbang kepada pembentukan institusi zakat yang lestari di Malaysia.

Evolusi Fatwa Zakat dalam Konteks Malaysia

Kajian Ahmad (2022) menelusuri fatwa-fatwa zakat di Malaysia yang dikeluarkan di peringkat kebangsaan dan negeri, yang bukan sahaja merespons isu semasa berkaitan bentuk kekayaan baharu serta perkembangan teknologi dalam kutipan, malah turut merangkumi aspek agihan seperti pelaburan zakat dan pemindahan zakat ke luar negeri. Penemuan ini menunjukkan bahawa fatwa zakat di Malaysia bersifat dinamik dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan semasa. Selaras dengan itu, Hamid dan Wahab (2018) memberi tumpuan kepada Negeri Selangor yang sepanjang tempoh 2001 hingga 2017 telah mengeluarkan sebanyak 23 fatwa zakat. Fatwa-fatwa tersebut terbukti memberi impak positif terhadap peningkatan kutipan zakat dengan mencatatkan jumlah RM674 juta pada tahun 2016, sekali gus menegaskan peranan fatwa dalam memodenkan sistem kutipan zakat di negeri tersebut. Sementara itu, Bhari dan Abdullah (2016) pula meneliti fatwa zakat dari sudut maqasid syariah, dan mendapati bahawa sebahagian fatwa zakat di Malaysia telah beralih daripada pandangan tradisional mazhab Syafi'i kepada pandangan mazhab lain serta ulama kontemporari demi menjamin maslahat umat Islam. Evolusi ini mencerminkan keterbukaan institusi fatwa untuk menyesuaikan hukum dengan realiti semasa. Walaupun begitu, meskipun kajian-kajian sedia ada memperlihatkan perkembangan fatwa zakat yang bersifat responsif dan berorientasikan maqasid, masih kurang penelitian empirikal mengenai sejauh mana fatwa-fatwa tersebut memberi kesan langsung terhadap kelestarian institusi zakat. Jurang inilah yang

mewujudkan keperluan untuk menghubungkan evolusi fatwa dengan pencapaian institusi zakat dalam jangka panjang.

Fatwa sebagai Mekanisme Governance, Legitimasi dan Operasi Institusi Zakat

Mukhlishin et al. (2024) membuat perbandingan antara amalan pengurusan zakat di Malaysia, Turki dan Indonesia, dan mendapati Malaysia lebih menonjol melalui pendekatan berpusat yang disokong integrasi teknologi, sekali gus meningkatkan tahap ketelusan serta keberkesanan berbanding model desentralisasi di Turki atau model hibrid di Indonesia. Keadaan ini menunjukkan bahawa sokongan kerajaan melalui fatwa dan regulasi berperanan besar dalam memberikan legitimasi yang kukuh kepada institusi zakat Malaysia. Dalam konteks lain, Zadjuli dan Shofawati (2020) meneliti pelaksanaan tadbir urus korporat di Rumah Zakat Indonesia, dan meskipun kajian berfokus pada Indonesia, prinsip tadbir urus seperti ketelusan, akauntabiliti dan pengauditan dalaman dilihat bersifat sejagat serta relevan untuk diaplikasikan dalam institusi zakat Malaysia. Sementara itu, Mohamad dan Muhammad Sori (2023) menyorot kelemahan serius dalam tadbir urus institusi zakat di Malaysia termasuk penyalahgunaan kuasa serta manipulasi dana, lalu mencadangkan pembentukan kerangka tadbir urus Islam yang komprehensif berasaskan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG). Walau bagaimanapun, meskipun terdapat pelbagai cadangan penambahbaikan, masih kurang kajian yang meneliti hubungan antara fatwa sebagai instrumen legitimasi dengan pelaksanaan prinsip tadbir urus moden dalam operasi institusi zakat. Jurang inilah yang membuka ruang penyelidikan tentang bagaimana fatwa dapat diintegrasikan sebagai sebahagian daripada kerangka tadbir urus zakat di Malaysia.

Kelestarian Institusi Zakat – Cabaran, Kecekapan dan Faktor Kontekstual

Alam et al. (2023) meninjau literatur zakat di Malaysia dan mendapati tumpuan utama kajian tertumpu kepada aspek kutipan, pengurusan serta agihan, dengan penekanan bahawa kualiti perkhidmatan institusi zakat dan proses digitalisasi kutipan menjadi faktor penting dalam memastikan keberkesanan serta kelestarian. Dalam hal ini, Tajuddin dan Takril (2023) pula menegaskan bahawa asas kelestarian institusi zakat terletak pada kepercayaan masyarakat, yang ditentukan oleh dimensi seperti akauntabiliti, prestasi, keadilan dan ketelusan. Seiring dengan itu, Darapar dan Haron (2022) mengusulkan mekanisme potongan gaji automatik sebagai inovasi baharu untuk meningkatkan kutipan zakat pendapatan, yang sekali gus menjamin kelestarian dana zakat pada masa hadapan. Dari sudut kecekapan, Riani et al. (2024) menggunakan analisis DEA window dan mendapati Lembaga Zakat Selangor mencapai tahap kecekapan tertinggi sebanyak 94%, menjadikannya model terbaik dalam usaha memastikan kelestarian institusi zakat. Namun begitu, Mhd Sarif (2020) menekankan bahawa faktor birokrasi atau stickiness masih menjadi penghalang yang memperlambatkan keberkesanan institusi zakat di Malaysia dalam merealisasikan matlamat pembangunan lestari (SDG 2030), dan beliau menggesa transformasi sikap birokrasi bagi meningkatkan kecekapan serta kelestarian. Walaupun kajian-kajian ini telah banyak membincangkan tentang faktor kecekapan, inovasi teknologi dan peranan kepercayaan masyarakat dalam kelestarian zakat, masih terdapat kekurangan dalam penelitian yang menghubungkan kesemua faktor tersebut secara langsung dengan peranan fatwa. Justeru, masih terbuka

ruang untuk mengkaji bagaimana evolusi fatwa mampu menyokong kelestarian institusi zakat melalui peningkatan kecekapan, pengukuhan tadbir urus dan pembinaan kepercayaan masyarakat.

Secara keseluruhannya, kajian literatur menunjukkan bahawa fatwa zakat di Malaysia telah berkembang daripada sekadar panduan hukum kepada instrumen penting dalam pengukuhan tadbir urus dan kelestarian institusi zakat. Walaupun banyak kajian menekankan aspek fatwa, governance, dan kelestarian secara berasingan, jurang utama ialah kurangnya kajian yang menghubungkan evolusi fatwa zakat dengan kelestarian institusi zakat di Malaysia. Kajian ini akan cuba mengisi jurang tersebut dengan meneliti bagaimana fatwa zakat berperanan dalam memperkukuh governance, membina legitimasi, dan menyumbang kepada kelestarian institusi zakat di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dengan meneliti fatwa-fatwa zakat yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri dan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), enakmen pentadbiran agama Islam, serta laporan rasmi institusi zakat di Malaysia. Data sekunder diperoleh daripada artikel jurnal berwasit, buku akademik dan prosiding berkaitan zakat, maqasid syariah dan tadbir urus institusi Islam. Analisis dijalankan secara deskriptif dan tematik untuk mengenal pasti pola utama evolusi fatwa zakat, manakala kaedah komparatif digunakan bagi menilai persamaan dan perbezaan antara negeri serta implikasinya terhadap kelestarian institusi zakat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan hasil analisis terhadap evolusi fatwa zakat di Malaysia dengan meneliti aspek sejarah, faktor pendorong, sumbangan terhadap kelestarian institusi zakat serta cabaran yang dihadapi. Dapatan diperoleh melalui penelitian dokumen rasmi, fatwa negeri, enakmen pentadbiran agama Islam, dan laporan institusi zakat yang menunjukkan bagaimana fatwa berkembang daripada hanya menekankan zakat tradisional kepada meliputi isu-isu kontemporari seperti aset digital dan digitalisasi kutipan. Hasil analisis ini menjadi asas penting untuk memahami peranan dinamik fatwa dalam memastikan institusi zakat terus relevan, berdaya tahan, dan selari dengan tuntutan maqasid syariah.

Evolusi Fatwa Zakat di Malaysia

Pengurusan fatwa zakat di Malaysia berkembang seiring dengan perubahan masa, persekitaran, dan keperluan semasa. Pada fasa tradisional (sebelum 1970-an), fatwa zakat lebih tertumpu kepada zakat fitrah, pertanian, ternakan, emas dan perak. Pembayaran zakat dilakukan secara individu kepada amil kampung atau terus kepada asnaf, manakala rujukan hukum berasaskan kitab fiqh klasik mazhab Syafi'i tanpa banyak adaptasi.

Memasuki era institusionalisasi (1970–1990-an), struktur pengurusan zakat mula distrukturkan secara profesional melalui proses pengkorporatan dan penswastaan. Fatwa zakat gaji mula diputuskan oleh negeri-negeri, dengan Selangor menjadi antara

negeri awal yang melaksanakannya pada tahun 1993. Fatwa juga mula memperincikan agihan zakat kepada kategori asnaf, menandakan peralihan daripada model tradisional kepada model institusi yang lebih sistematik.

Jadual 1: Struktur Pengurusan Aktiviti Zakat di Malaysia mengikut negeri

No.	Negeri	Institusi Zakat	Struktur Pengurusan Aktiviti Zakat
1	Johor	Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)	Aktiviti kutipan dan agihan zakat di bawah entiti pengurusan yang sama tetapi tiada sebarang aktiviti pengkorporatan atau penswastaan.
2	Perak	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPK)	
3	Perlis	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIP)	
4	Kelantan	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	
5	Terengganu	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	
6	Wilayah Persekutuan	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	Aktiviti kutipan dan agihan zakat bukan di bawah entiti pengurusan yang sama dan hanya aktiviti kutipannya yang telah dikorporatkan atau diswastakan.
7	Negeri Sembilan	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	
8	Melaka	Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	
9	Pahang	Majlis U gama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	
10	Selangor	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	Aktiviti kutipan dan agihan zakat di bawah entiti pengurusan yang sama dan telah dikorporatkan atau diswastakan.
11	Pulau Pinang	Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang (PUZ)	
12	Sabah	Pusat Zakat Sabah (Majlis U gama Islam Sabah) (PZS-MUIS)	
13	Sarawak	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	
14	Kedah	Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (JZNK)	Aktiviti agihan dan kutipan di bawah entiti pengurusan yang sama dan tiada sebarang aktiviti pengkorporatan atau penswastaan. Tetapi entiti ini secara langsung di bawah pemantauan Sultan.

Sumber: Lateff, Palil, & Hassan, 2014

Pada fasa pemodenan dan diversifikasi (2000–2010-an), fatwa memperluas definisi harta zakat dengan memasukkan elemen seperti zakat KWSP, zakat saham, zakat perniagaan korporat dan zakat emas simpanan. Mekanisme pembayaran turut dipelbagaikan, termasuk potongan gaji, perbankan internet, SMS, mesin ATM dan aplikasi mudah alih . Fatwa juga membincangkan zakat ke atas pendapatan profesional, syarikat GLC, serta kaedah hisab yang lebih telus.

Kini, pada fasa kelestarian dan digitalisasi (2015–kini), fatwa zakat berkembang untuk menangani isu kontemporari seperti zakat aset digital dan kripto, zakat pendapatan pekerja gig economy, serta penggunaan zakat bagi pembangunan asnaf yang lebih berterusan seperti pendidikan tinggi, modal pusingan, dan pembinaan rumah. Pendekatan maqasid syariah semakin dominan, dengan penekanan bahawa zakat bukan sekadar memenuhi nisab dan haul, tetapi berfungsi sebagai pemangkin kelestarian ekonomi umat Islam. Penggunaan data besar, AI, dan sistem e-zakat turut diperkenalkan untuk mempertingkatkan kecekapan kutipan dan agihan.

Dalam konteks ini, antara inovasi terpenting dalam sejarah zakat di Malaysia ialah pengenalan fatwa zakat gaji dan pendapatan. Fatwa ini telah membuka jalan kepada peluasan sumber zakat moden, sekaligus meningkatkan kutipan zakat dan

memperkuh legitimasi institusi zakat. Butiran mengenai fatwa zakat gaji di negeri-negeri dapat dilihat dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Fatwa-fatwa Zakat Gaji Mengikut Negeri di Malaysia

Bil.	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
1	W. Persekutuan	09 April 1999	Diwartakan pada 29 April 1999
2	Selangor	16 Jan 2001	Diwartakan pada 9 Mei 2002
3	Melaka	22 Mei 2000	Diwartakan
4	Sarawak	23 Nov 1996	Tidak diwartakan
5	Pulau Pinang	26 April 2001	Diwartakan pada 26 April 2001
6	Kelantan	12 Sept 1999	Tidak diwartakan
		16 Mac 1999	Diwartakan pada 22 Julai 1999
7	Perak	22 Mac 1990	Diwartakan pada 16 Feb 2004
8	Johor	17 April 2000	Tidak diwartakan
9	N.Sembilan	8 Jun 1998	Diwartakan pada 2 Julai 1998
10	MJFKM	Muzakarah Kali Ke-31 dan Muzakarah Khas yang bersidang pada 9 Dis 1992	Tidak diwartakan
		Muzakarah Khas pada 22 Jun 1997	Tidak diwartakan
		Muzakarah Kali Ke-56 pada 7 Mei 2003	Tidak diwartakan

Sumber: Fatwa Negeri dan MJFKM

Jadual di atas menunjukkan hampir keseluruhan negeri di Malaysia telah mengeluarkan fatwa berkaitan zakat gaji. Secara praktis, zakat gaji telah pun dilaksanakan di seluruh Malaysia. Boleh dikatakan sekitar tahun 1990-an merupakan kemuncak penerimaan konsep zakat gaji dan pendapatan dalam kalangan masyarakat, bahkan mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat melalui fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri.

Perkembangan ini turut dapat dilihat di negeri Johor, yang mengalami transisi penting dalam menetapkan hukum zakat gaji. Bermula pada tahun 1996 dengan keputusan bahawa zakat gaji tidak diwajibkan, fatwa kemudian berubah pada tahun 1998 dengan membenarkan potongan gaji secara sukarela, dan akhirnya pada tahun 2000 mengiktiraf kewajipan zakat gaji serta pendapatan apabila mencukupi syarat.

Jadual 3: Evolusi Fatwa Zakat Gaji di Negeri Johor

TAHUN	KEPUTUSAN FATWA
1996	Zakat Gaji tidak diwajibkan
1998	Zakat Gaji tidak diwajibkan Walau bagaimanapun tiada halangan pihak berwajib membuat potongan gaji yang mana potongan tersebut disalurkan kepada Majlis Agama Islam Johor berdasarkan kaedah yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.
2000	Gaji dan pendapatan wajib dikeluarkan zakat bilamana cukup syarat-syaratnya

Sumber: Jabatan Mufti Johor

Evolusi ini membuktikan sifat dinamik fatwa dalam menyesuaikan hukum dengan realiti ekonomi moden, khususnya bagi pekerja bergaji yang menjadi majoriti masyarakat Islam hari ini.

Selain isu zakat gaji, inovasi juga berlaku dalam kaedah pembayaran zakat. Institusi zakat di Malaysia mula memperkenalkan medium pembayaran baharu selaras dengan kemajuan teknologi digital, termasuk SMS, perbankan internet, mesin ATM dan kad kredit.

Jadual 7: Fatwa-fatwa Kaedah Pembayaran Zakat

Bil.	Fatwa	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
1	Pembayaran zakat melalui SMS	Melaka	26 Jun 2014	Tidak diwartakan
			25 Feb 2011	Diwartakan pada 29 Sept 2011
			11 Sept 2008	Diwartakan pada 19 Nov 2009
		Terengganu	20 Sept 2006	Tidak diwartakan
		Negeri Sembilan	5 Ogos 2009	Tidak diwartakan
2	Pembayaran zakat melalui kad kredit	Melaka	18 Dis 2008	Diwartakan pada 19 Nov 2009
			26 Feb 2014	Diwartakan pada 26 Feb 2014
3	Pembayaran zakat melalui <i>internet banking online</i>	Selangor	16 Jan 2001	Tidak diwartakan

Sumber: Fatwa Negeri

Pembayaran zakat melalui platform digital ini menggambarkan transformasi daripada transaksi fizikal antara pembayar dan amil kepada pertemuan maya sepenuhnya. Perubahan ini telah meningkatkan kemudahan, ketelusan, serta keberkesanan dalam proses kutipan zakat.

Faktor Pendorong Evolusi Fatwa Zakat

Analisis menunjukkan bahawa beberapa faktor utama mendorong evolusi fatwa zakat di Malaysia. Pertama, faktor ekonomi, iaitu kewujudan pelbagai bentuk harta moden seperti KWSP, saham, dan aset digital. Kedua, faktor teknologi yang memudahkan proses kutipan dan agihan zakat melalui platform digital. Ketiga, faktor globalisasi yang melibatkan isu harta luar negara, perniagaan antarabangsa, dan e-dagang. Keempat, faktor sosial seperti peningkatan kos sara hidup dan kemiskinan bandar yang memerlukan pendekatan agihan lebih kreatif. Akhir sekali, faktor dasar negara seperti Dasar Ekonomi Negara dan matlamat SDG 2030 turut mempengaruhi fatwa zakat agar lebih relevan dengan agenda pembangunan mampan.

Sumbangan Evolusi Fatwa kepada Kelestarian Institusi Zakat

Evolusi fatwa zakat terbukti menyumbang secara signifikan kepada kelestarian institusi zakat. Peluasan sumber harta zakat telah meningkatkan jumlah kutipan saban tahun, manakala agihan zakat semakin berkesan dengan pendekatan produktif yang menekankan pembangunan asnaf, bukan sekadar bantuan sara hidup. Fatwa juga memainkan peranan dalam meningkatkan keyakinan masyarakat apabila ia responsif terhadap isu kontemporari, sekali gus memperkukuh reputasi institusi zakat. Evolusi ini menjadikan zakat kekal relevan meskipun bentuk kekayaan umat Islam terus berubah.

Cabaran dan Isu Kontemporari

Walaupun pelbagai kemajuan telah dicapai, terdapat beberapa cabaran utama dalam pengurusan fatwa zakat. Pertama, perbezaan fatwa antara negeri berpotensi menimbulkan kekeliruan masyarakat. Kedua, tingkat kefahaman masyarakat yang masih terikat dengan konsep zakat tradisional menyebabkan penerimaan terhadap fatwa baharu agak perlahan. Ketiga, isu integriti dan ketirisan dalam agihan zakat yang menjejaskan kepercayaan awam. Keempat, penggabungan dana zakat dengan wakaf dan baitulmal, walaupun berpotensi meningkatkan impak sosial, memerlukan kawalan syariah yang ketat agar selari dengan maqasid zakat.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa evolusi fatwa zakat di Malaysia telah melalui fasa yang signifikan daripada pendekatan tradisional berasaskan fiqh klasik kepada pendekatan moden yang responsif terhadap perkembangan ekonomi, teknologi, dan sosial. Evolusi ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan institusi zakat dari segi kutipan dan agihan, malah meningkatkan keyakinan masyarakat serta memastikan kelangsungan peranannya dalam pembangunan ummah. Namun, cabaran seperti perbezaan fatwa antara negeri, tahap kefahaman masyarakat, dan isu integriti menuntut perhatian serius agar kelestarian institusi zakat dapat dipelihara secara mampan. Dapatan ini sekaligus menegaskan kepentingan fatwa sebagai

instrumen keilmuan dan tadbir urus dalam membentuk masa depan institusi zakat di Malaysia.

KESIMPULAN

Evolusi fatwa zakat di Malaysia membuktikan kematangan institusi fatwa dalam menyesuaikan hukum dengan realiti semasa, sejajar dengan perubahan ekonomi, teknologi, dan keperluan masyarakat. Fatwa zakat bukan sahaja berfungsi sebagai penjelasan hukum, tetapi juga sebagai instrumen tadbir urus yang memperkukuh kredibiliti dan keberkesanan institusi zakat. Peranan fatwa yang progresif dalam memperluas sumber zakat, menetapkan mekanisme pembayaran moden, dan membimbing agihan berorientasikan pembangunan telah menjadikan zakat kekal relevan serta mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Kelestarian institusi zakat pada masa hadapan bergantung kepada tiga elemen utama: pertama, fatwa yang progresif dan responsif terhadap isu kontemporari; kedua, pengurusan yang profesional, telus, dan berakuntabiliti; dan ketiga, penerimaan masyarakat melalui kepercayaan serta sokongan berterusan. Prinsip asas yang harus menjadi panduan ialah bahawa zakat bukan sekadar memenuhi kewajipan ritual, tetapi sebagai instrumen transformasi sosial dan ekonomi dengan tujuan “membebaskan asnaf daripada kemiskinan, bukan sekadar memberi bantuan sementara.”

Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa evolusi fatwa zakat adalah teras penting dalam memastikan institusi zakat terus lestari, mampan, dan relevan sebagai pemacu pembangunan ummah di Malaysia.

RUJUKAN

- Ab Rahman, A., Al-Bohari, M. A., Panglima, S. N., Muhasim, A., & Barrow, A. (2025). Mekanisma Dan Analisis Skim Agihan Zakat Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Mengikut Maqasid Syariah: Mechanism and Analysis of Zakat Distribution Schemes at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) According to Maqasid Syariah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 30(2), 162-175. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol30no2.677>
- Hamid, H., & Wahab, A. (2018). The Analysis of Fatwa Development Regarding to Zakat Collection in Malaysia. In *Proceedings of the 1st International Conference on Islamic Economics, Business, and Philanthropy (ICIEBP 2017): Transforming Islamic Economy and Societies* (pp. 575–580). SCITEPRESS – Science and Technology Publications.
- Ahmad, W. M. W. (2022). Fatwas on Zakat In Malaysia–Trends And Issues. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 1(1), 66–87.
- Alam, A., Ratnasari, R. T., Ryandono, M. N. H., Prasetyo, A., Santosa, I. W. M., & Bafana, F. A. (2023). Systematic literature review on Malaysia Zakat studies (2011-2023). *Multidisciplinary Reviews*, 6(4), 2023044. <https://doi.org/10.31893/multirev.2023044>
- Al-Bohari, M. A., Ab Rahman, A., & Abd Shakor, M. F. (2025). Analisis Skim Agihan Zakat Di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Mengikut Maqasid Syariah: Analysis of the Zakat Distribution Scheme at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) According to Maqasid Syariah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 30(1), 199-211. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol30no1.669>

- Bhari, A., & Abdullah, L. (2016). Senario Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia: Perspektif Maqasid Syariah. *Jurnal Fiqh*, 13, 57–88. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol13no1.3>
- Darapar, M. Z., & Haron, R. (2022). Income zakat collection through salary deduction in Selangor. A proposed framework for sustainability. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 37–52.
- Abdul Lateff, , Palil, , & Hassan, (2014). Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan dalam Kalangan Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 51–60.
- Mhd Sarif, S. (2020). The influence of stickiness in sustaining development through zakat institutions in Malaysia. *Journal of Zakat Kedah*, 2(1).
- Mohamad, S. ., & Muhamad Sori, Z. . (2023). Governance Issues in Managing Zakat Funds: The Experience of Selected Zakat Management Institutions in Malaysia. *I-IECONS E-Proceedings*, 10(1), 960–965. <https://doi.org/10.33102/ieicons.v10i1.116>
- Mukhlisin, M., Wahab, A., Setiaji, B., & Tazhdinov, M. (2024). Zakat maal management and regulation practices: Evidence from Malaysia, Turki and Indonesia. *Journal of Human Rights, Culture and Legal System*, 4(2), 569–592. <https://doi.org/10.53955/jhcls.v4i2.204>
- Riani, D., Meutia, M., & Taqi, M. (2024). Efficiency and stability of zakat institutions in Malaysia and Indonesia: DEA window analysis. *TEM Journal*, 13(1).
- Tajuddin, T. S., & Takril, N. F. . (2023). Trust In Zakat Authorities and Zakat Compliance: A Conceptual Analysis: (Kepercayaan Kepada Pihak Berkuasa Zakat dan Pematuhan Zakat: Analisis Konseptual). *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 3(2), 115–128. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v3i2.82>
- Zadjuli, S. I., Shofawati, A., & -, M. (2020). Implementing good corporate governance in zakat institution. *Bussecon Review of Social Sciences* (2687-2285), 2(1), 27–37. <https://doi.org/10.36096/brss.v2i1.158>